

AirAsia X bukti kreativiti syarikat tempatan – Abdullah

um - 6/1/2007

KUALA LUMPUR 5 Jan. - Kelahiran produk baru penerbangan tambang murah jarak jauh, AirAsia X oleh Fly Asian Xpress (FAX) membuktikan kreativiti syarikat tempatan dalam melahirkan produk global yang inovatif.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, produk berkenaan telah meletakkan FAX sebagai model kepada industri penerbangan tambang murah jarak jauh global.

"Ini adalah bukti kreativiti keusahawa-

nan Malaysia dan selaras dengan dasar kerajaan yang mahukan syarikat kita berfikir dan bersaing secara global," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan yang diedarkan kepada media selepas pelancaran AirAsia X oleh FAX di sini, hari ini.

Abdullah berkata, kejayaan syarikat itu memperkenalkan produk baru akan meningkatkan profil Malaysia di peringkat antarabangsa dan menyumbang ke arah memperkukuhkan kedudukan negara sebagai

hab perjalanan serantau dan antarabangsa.

Pelancaran produk itu juga katanya, tepat pada masanya iaitu bersempena dengan pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2007.

Selain itu katanya, pelancaran produk itu turut menjanjikan perubahan besar dalam operasi perjalanan penerbangan jarak jauh selain dapat mendekatkan penduduk dari seluruh dunia.

Beliau berkata, pengangkutan udara yang dahulunya dianggap sebagai pe-

ngangkutan bagi golongan elit kini mampu dinikmati semua lapisan masyarakat.

Perdana Menteri berkata, pada kebiasaannya penerbangan tambang murah disediakan bagi laluan tempatan atau serantau dan jumlah penumpangnya adalah kecil tetapi kini ia semakin meningkat.

Ujarnya, jumlah aliran pelancong kini meningkat memandangkan ramai pengembara yang tidak pernah terfikir untuk memilih laluan udara kini mampu berbuat demikian kerana kos yang rendah.